

21 MAY 1998

Reaksi-Dompok

DOMPOK ANGGAP PELANTIKAN SEBAGAI KM MENCABAR

KOTA KINABALU, 21 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Tan Sri Bernard Dompok yang diumumkan hari ini sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru, menyifatkan pelantikan itu sebagai satu cabaran besar bagi memantapkan kerajaan Barisan Nasional di negeri itu.

Beliau berkata pelantikannya itu juga menunjukkan kejujuran BN dalam melaksanakan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di kalangan masyarakat bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan bukan bumiputera.

Pelantikan itu diumumkan di Kuala Lumpur oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan BN yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi pengerusi BN (Sabah)," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Dompok berkata pelantikan itu merupakan tanggungjawab yang mencabar untuk meneruskan usaha kerajaan BN membangunkan Sabah.

Selain Dompok, turut disebut-sebut bagi mengisi jawatan itu sebelum ini ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

Kurup tidak dapat dihubungi kerana beliau dipercayai berada di luar Kota Kinabalu.

Setiausaha Akhbarnya Cik Haliza Din, ketika dihubungi di sini, berkata Kurup akan mengeluarkan kenyataan kemudian.

Setiausaha Agung PBRs Datuk James Vitalis pula berkata parti itu menghormati keputusan pucuk pimpinan BN.

Parti-parti komponen BN negeri turut menyambut baik pelantikan Dompok sebagai Ketua Menteri yang baru.

Presiden Akar Datuk Pandikar Amin Mulia berkata pelantikan itu wajar memandangkan beliau (Dompok) merupakan pemimpin yang berpengalaman terutama dalam arena politik.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Datuk Yahya Hussin pula berkata Umno negeri menyambut baik pelantikan itu.

-- BERNAMA

NT MAI